

10/07/2001

Pelajar tentang kerajaan perlu pemulihan

Mohd Fuad Razali; Mohd Anwar Patho Rohman; Thaddius Unnip
PETALING JAYA, Isnin - Pelajar universiti yang didapati terbabit dalam gerakan militan perlu dihantar ke pusat pemulihan khas untuk menyedarkan mereka supaya kembali ke pangkal jalan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, berkata tindakan itu penting kerana ia dapat memberi peringatan kepada pelajar berkenaan supaya insaf dan menjadikan universiti sebagai pusat pembelajaran.

Katanya, beliau mendapati ramai pelajar Melayu beragama Islam tidak menggunakan sepenuhnya peluang belajar, sebaliknya menjadikan universiti tempat menggembleng gerakan menentang kerajaan.

"Apa yang membimbangkan ialah mereka ini mempengaruhi pelajar lain menjadi seperti mereka dan akhirnya melahirkan profesional militan yang boleh menghancurkan negara," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, melawat pusat spastik Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Mohd Khir berkata demikian sebagai mengulas amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pelajar institusi pendidikan tinggi yang didapati terbabit dalam gerakan antikerajaan akan disingkir.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) mencadangkan kerajaan menjalankan ujian aptitud di kalangan calon yang memohon memasuki universiti bagi meneliti kecenderungan mereka.

Presidennya, Saifuddin Abdullah, berkata calon yang memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak semestinya mempunyai kecenderungan dan kesesuaian belajar di universiti.

Katanya, hanya pelajar yang mempunyai kecenderungan belajar berupaya melalui dunia universiti dengan sebaik-baiknya kerana kehidupan di kampus memerlukan mereka yang boleh berdikari tanpa memerlukan kawalan ibu bapa dan pensyarah.

Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jaafar Rahim, berkata amaran Dr Mahathir itu memang kena pada masanya kerana sesetengah pelajar mungkin tidak memahami tujuan sebenar mereka ke universiti.

"Akibatnya mereka ini mudah terpengaruh dengan perjuangan di luar kampus yang sama sekali tidak mempunyai makna," katanya.

Bagaimanapun, Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Asyraf Wajdi Dusuki, mencadangkan kerajaan menyediakan garis panduan jelas mengenai kegiatan yang disifatkan sebagai gerakan antikerajaan.

Katanya, PKPIM menyokong tindakan menyingkirkan pelajar yang terbukti benar terbabit dalam kegiatan ganas dan huru-hara yang boleh mengancam keselamatan negara.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNCHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, berkata pelajar universiti yang menyertai gerakan antikerajaan wajar disingkirkan kerana perbuatan itu bercanggah dengan perlembagaan.

Katanya, pelajar sedemikian tidak sepatutnya diberi tempat di institusi pengajian tinggi awam kerana merugikan kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan sedangkan pelajar hanya mengeluarkan 10 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan bagi mengikuti pengajian di institusi terbabit.

(END)

